



## SIARAN MEDIA

### **LTAT Melantik Ketua Pegawai Kewangan Baharu**

**KUALA LUMPUR, 15 OGOS 2024** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Haizad Rizal sebagai Ketua Pegawai Kewangan yang baharu, berkuat kuasa 15 Ogos 2024. Haizad Rizal membawa lebih daripada 22 tahun pengalaman yang cemerlang dalam pengurusan kewangan dan kepimpinan strategik merentasi pelbagai industri.

Haizad Rizal telah memegang jawatan Ketua Pegawai Kewangan di Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ("KWAP") sebelum ini. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Sime Darby Oils dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan di Kumpulan SME Bank dari tahun 2016 hingga 2024.

Kerjaya cemerlang Haizad Rizal bermula di Ireland, di mana beliau telah berkhidmat selama satu dekad di organisasi-organisasi terkenal seperti BDO Simpson Xavier, Daiwa Europe Fund Managers dan KPMG. Beliau kembali semula ke Malaysia pada tahun 2009, mengambil alih peranan kepimpinan termasuk Ketua Laporan Statutori dan Pengurusan Kumpulan di RHB Bank Berhad, diikuti oleh Ketua Kewangan di RHB Islamic Bank. Beliau juga telah berkhidmat sebagai Naib Presiden di RHB Investment Bank Berhad sebelum memegang jawatan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan di Kumpulan Syarikat Johawaki pada tahun 2013.

Pengalaman beliau yang luas telah dibuktikan melalui kelayakan akademiknya, termasuk menjadi ahli bersekutu (FCA) dari Institute of Chartered Accountants Ireland (ICAI). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Perakaunan dan Kewangan dari Liverpool John Moores University dan telah menamatkan Program Pengurusan Lanjutan dan Kepimpinan di Said Business School, Universiti Oxford.

Ketua Eksekutif LTAT, Ashraf Radzi, menyatakan bahawa "Kami amat berbesar hati mengalau-alukan Haizad Rizal ke LTAT. Pelantikannya mencerminkan komitmen teguh kami terhadap pengurusan kewangan dan tadbir urus yang cemerlang. Kepakaran Haizad akan memainkan peranan penting dalam membawa LTAT ke arah tadbir urus operasi yang berintegriti dan juga kemajuan yang berterusan. Kami yakin bahawa kepimpinannya akan memperkuuh misi kami untuk memastikan pengurusan kewangan yang bijak, selaras dengan aspirasi YAB Perdana Menteri seperti yang dinyatakan semasa pelancaran Garis Panduan Pengurusan dan Tadbir Urus Badan Berkanun Persekutuan baru-baru ini,"

"Kepimpinannya juga akan mengukuhkan komitmen kami terhadap kesejahteraan Anggota Angkatan Tentera Malaysia dan menyediakan perlindungan sosial secara menyeluruh kepada mereka yang berkhidmat demi negara kita," ditambahnya.

**-TAMAT-**

**Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri  
Pengarah,  
Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my  
No. Tel : +603- 4815 8888  
Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)